

247 penghuni Rumah Seri Kenangan dirai

JOHOR BAHRU: Kehadiran sekumpulan kakitangan Pulau Springs Resort dan Pulau Desaru Beach Resort & Spa ke Rumah Seri Kenangan di Jalan Ithnin di sini, baru-baru ini, menceriakan 247 penghuninya yang sebahagian besar tidak berkeluarga.

Pengurus Besar Pulau Springs Resort, Tengku Ahmad Faizal berkata, kunjungan itu bertujuan mendekati golongan kurang

bernasib baik.

"Kunjungan ini sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami kepada masyarakat yang memerlukan menggunakan pendekatan turun padang bagi melihat sendiri kehidupan mereka dengan lebih dekat.

"Ia antara acara tahunan syarikat dengan mengambil inisiatif mengumpul sendiri barangan atau sumbangan daripada setiap kakitangan.

"Kami berharap pemberian ini sedikit sebanyak dapat menceriakan dan mengurangkan beban mereka," katanya selepas melawat dan menyerahkan sumbangan barangan keperluan asas dan makanan kepada penghuni Rumah Seri Kenangan itu, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Pulau Desaru Beach Resort & Spa, Azmi Sharudin dan Timbalan Penguasa Rumah Seri Kenangan, Azhar Kamal.

Sementara itu, Azhar berkata, pihaknya memuji keprihatinan pihak terbabit yang sudi meluangkan masa dan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat.

"Kami berterima kasih kepada syarikat Pulau Group kerana prihatin dengan keperluan penghuni di sini dan berharap usaha murni ini menjadi contoh kepada pihak lain.

"Malah kami juga sentiasa mengalu-alukan sumbangan daripada mana-mana badan korporat.

"Saya berharap kunjungan dan sumbangan ini dapat menceriakan penghuni di sini," katanya.



IKHLAS...Tengku Ahmad (kanan) menyampaikan sumbangan kepada seorang warga emas.